

Malaysia Madani Dan Toleransi Agama Dalam Era Pasca Normal: Analisis Konseptual Dan Strategi Pentadbiran

Malaysia Madani and Religious Tolerance in the Post-Normal Era: A Conceptual Analysis and Administrative Strategy

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil¹

¹ Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.

Article progress

Received: 29 Julai 2025

Accepted: 18 November 2025

Published: 30 November 2025

*Corresponding author:

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia;

Email: ibrahimmajdi@usm.my

Abstrak: Makalah ini membincangkan berkenaan konsep Malaysia Madani sebagai kerangka pentadbiran baharu yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Antara salah satu aspek penting dalam kerangka Malaysia Madani adalah cabaran pasca normal. Salah satu isu penting dalam masyarakat Malaysia yang menjadi kepentingan dulu hingga kini adalah isi toleransi agama. Oleh yang demikian, fokus utama kajian ini ialah bagaimana Malaysia Madani memperkukuh nilai toleransi agama dalam masyarakat majmuk Malaysia, berbanding salah satu pendekatan terdahulu seperti Islam Hadhari yang turut bertunjangkan Islam sebagai polisi negara. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis dokumen dan wacana dasar, serta menggabungkan teori masyarakat Madani, pascamodernisme, dan pluralisme agama. Perbandingan antara Malaysia Madani dan Islam Hadhari menunjukkan peralihan daripada pendekatan pembangunan berasaskan umat kepada pendekatan yang lebih inklusif dan responsif terhadap kepelbagaian agama dan budaya. Kajian ini turut meneliti cabaran era pasca normal seperti penyebaran maklumat palsu, polarisasi sosial, dan penghakisan autoriti, serta tindakan kerajaan dalam menangani isu-isu ini melalui dasar dan kempen strategik. Implikasi terhadap toleransi agama dianalisis melalui peranan institusi, pendidikan nilai, dan penglibatan masyarakat sivil. Makalah ini mencadangkan agar pendidikan nilai Madani diperluas, dialog antara agama diperkasa, dan komunikasi kerajaan diselaraskan secara inklusif. Kesimpulannya, Malaysia Madani menawarkan pendekatan yang lebih holistik dan kontekstual dalam memperkukuh toleransi agama dan perpaduan nasional dalam era yang serba mencabar.

Kata kunci: Malaysia Madani; toleransi agama; Islam Hadhari; pasca normal; pluralisme agama.

Abstract: This paper discusses the concept of Malaysia Madani as a new administrative framework introduced by Malaysia's 10th Prime Minister, Dato' Seri Anwar Ibrahim, in response to the challenges of the post-normal era. The focus of this study is how Malaysia Madani strengthens the value of religious tolerance in Malaysia's plural society, compared to previous approaches such as Islam Hadhari. This study employs document analysis and policy discourse methods, integrating theories of civil society, postmodernism, and religious pluralism. The comparison between Malaysia Madani and Islam Hadhari reveals a shift from a development approach centered on the Muslim community to a more inclusive and responsive model that embraces religious and cultural diversity. The study also examines post-normal era challenges such as the spread of misinformation, social polarization, and the erosion of authority, as well as government actions to

address these issues through strategic policies and campaigns. The implications for religious tolerance are analysed through the roles of institutions, value-based education, and civil society engagement. This paper recommends expanding Madani value education, strengthening interfaith dialogue, and aligning government communication in an inclusive manner. In conclusion, Malaysia Madani offers a more holistic and contextual approach to enhancing religious tolerance and national unity in an increasingly complex era.

Keywords: Malaysia Madani; religious tolerance; Islam Hadhari; post-normal era; religious pluralism.

Pengenalan

Malaysia sebagai sebuah negara majmuk yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama sentiasa berdepan dengan cabaran dalam membina masyarakat yang harmoni dan inklusif. Dalam usaha memperkukuh perpaduan nasional dan mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan pelbagai pendekatan dasar yang berteraskan nilai-nilai Islam dan kemanusiaan sejagat. Antara pendekatan yang pernah diketengahkan ialah Islam Hadhari, yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri kelima, Dato' Sri Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2004. Pendekatan ini menekankan pembangunan menyeluruh yang seimbang antara aspek rohani dan jasmani, serta menekankan penguasaan ilmu, pembangunan insan, dan sistem ekonomi yang dinamik (Abdullah, 2004). Islam Hadhari juga bertujuan membangkitkan semula tamadun Islam sebagai alternatif kepada tamadun Barat yang dilihat membawa kemajuan material tetapi mengabaikan kesejahteraan rohani dan sosial (Najib, 2006).

Selepas hampir dua dekad, pendekatan baharu yang juga bercirikan nilai Islamik dikenali sebagai Malaysia Madani telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri kesepuluh, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada tahun 2023. Konsep ini merupakan kesinambungan dan penambahbaikan kepada gagasan masyarakat Madani yang mula diketengahkan oleh beliau pada tahun 1995 (Hamim, 2000; Faizal, 2023). Malaysia Madani bukan sahaja menekankan pembangunan fizikal dan ekonomi, tetapi juga memberi penekanan kepada nilai-nilai kemanusiaan seperti ihsan, hormat, daya cipta, dan kesejahteraan (Anwar, 2023; UiTM, 2023).

Malaysia Madani telah digariskan sebagai satu kerangka pentadbiran yang komprehensif merangkumi lapan domain utama termasuk ekonomi, pendidikan, budaya, dan institusi, serta berpaksikan enam nilai teras yang diringkaskan dalam akronim "SCRIPT": *Sustainability* (Kemampanan), *Care and Compassion* (Kesejahteraan), *Respect* (Hormat), *Innovation* (Daya cipta), *Prosperity* (Keyakinan), dan *Trust* (Ihsan) (UTHM, 2023).

Kedua-dua pendekatan ini, Islam Hadhari dan Malaysia Madani mempunyai persamaan dari segi matlamat untuk membina masyarakat yang bertamadun dan berdaya saing, namun berbeza dari segi pendekatan dan penekanan nilai. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan bagaimana konsep Malaysia Madani dapat memperkukuh toleransi agama dalam konteks Malaysia masa kini, serta membandingkan pendekatan ini dengan Islam Hadhari sebagai dasar terdahulu yang turut menekankan keharmonian antara agama.

Latar Belakang Teori dan Konseptual

Konsep Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim pada tahun 2023 merupakan kesinambungan daripada gagasan masyarakat Madani yang mula diketengahkan pada tahun 1990-an. Menurut Osman Bakar (1997), teori masyarakat Madani bukanlah suatu idea baharu, malah telah dibincangkan oleh para sarjana Islam klasik seperti Al-Farabi (870–950), Ibn Miskawayh (936–1030), dan Ibn Khaldun (1332–1406). Walaupun istilah *civil society* sering digunakan sebagai terjemahan kepada masyarakat Madani, Osman Bakar menegaskan bahawa skop masyarakat Madani adalah lebih luas dan holistik kerana ia meletakkan agama sebagai teras pembentukan keperibadian, akhlak, dan pemikiran manusia Madani.

Dalam konteks semasa, Malaysia Madani merupakan adaptasi dan pembaharuan kepada konsep masyarakat Madani

yang disesuaikan dengan cabaran era pasca normal. Anwar Ibrahim (2023) menyatakan bahawa kerangka Malaysia Madani mengambil kira perubahan global yang kompleks dan bercanggah, serta menekankan sintesis antara amalan tradisional dan pendekatan baharu untuk menangani isu-isu kontemporari. Oleh itu, Malaysia Madani bukan sekadar kesinambungan, tetapi juga satu transformasi nilai dan pendekatan dalam pentadbiran negara.

Untuk memahami latar belakang falsafah pasca normal yang menjadi asas kepada pembaharuan ini, kajian ini merujuk kepada perkembangan falsafah pascamodenisme oleh kerana pasca normal itu ada kaitannya dengan pascamodenisme. Pascamodenisme muncul sebagai respons terhadap modenisme yang dianggap gagal memenuhi janji kemajuan rasional dan universal. Menurut Tawfiq Yousef (2017), pascamodenisme menolak kebenaran mutlak dan menekankan sifat relatif dalam memahami fenomena sosial. Zakaria Stapa (2014) pula menyatakan bahawa pascamodenisme adalah suatu konsep yang kompleks dan sukar didefinisikan kerana sifatnya yang berubah-ubah dan menolak definisi tetap. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) turut menjelaskan bahawa pascamodenisme bermula dalam seni bina dan kemudiannya berkembang ke dalam sastera, falsafah, dan sains sosial pada tahun 1970-an. Dalam konteks Malaysia Madani, pendekatan pasca normal ini diterjemahkan kepada keperluan untuk merangka dasar yang fleksibel, inklusif, dan responsif terhadap perubahan sosial dan global yang tidak menentu.

Sementara itu, pendekatan Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh Dato' Sri Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2004 menekankan pembangunan menyeluruh yang berasaskan prinsip keimanan, ilmu pengetahuan, dan keadilan sosial. Pendekatan ini menggalakkan umat Islam untuk berinteraksi secara harmoni dengan masyarakat berbilang agama dan budaya, serta menekankan prinsip "tiada paksaan dalam agama" sebagai asas toleransi (Najib, 2006). Islam Hadhari juga mengiktiraf kepelbagaian mazhab dan pandangan dalam Islam, serta menggalakkan wacana intelektual dan ijtihad dalam pembangunan negara. Kedua-dua pendekatan ini, Malaysia Madani dan Islam Hadhari menunjukkan komitmen kerajaan Malaysia dalam membina masyarakat yang inklusif dan bertoleransi. Namun, Malaysia Madani membawa pendekatan yang lebih holistik dan kontemporari dengan menekankan nilai-nilai kemanusiaan sejagat dan keperluan untuk menangani cabaran era pasca normal.

Pluralisme Agama dan Polemik di Malaysia

Dalam membincangkan toleransi agama dalam kerangka Malaysia Madani, adalah penting untuk memahami polemik dan kekeliruan antara toleransi agama dan pluralisme agama di Malaysia. Falsafah pluralisme agama yang mula berkembang membawa kekeliruan kepada wacana hubungan antara agama. Salah satu tokoh Barat yang paling berpengaruh dalam gerakan pluralisme agama ialah John Hick, yang mengemukakan pandangan bahawa semua agama adalah jalan yang sah menuju kebenaran yang sama. Hick mentakrifkan agama secara naturalistik dan sosiologikal, sebagai susunan kepercayaan institusi masyarakat, pengalaman jiwa, dan manifestasi kuasa yang mengatasi ilmu pengetahuan (Hick, 1989).

Wacana pluralisme agama di Malaysia mula berkembang secara lebih tersusun sejak awal 1980-an, bermula dengan penubuhan Majlis Perundingan Malaysia bagi Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh (MCCBCHS) pada tahun 1985 sebagai platform dialog antara agama. Sepanjang 1990-an dan 2000-an, pluralisme agama semakin mendapat perhatian melalui seminar akademik di institusi seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), serta melalui aktivisme NGO seperti *Sisters in Islam* (SIS) dan COMANGO yang memperjuangkan hak asasi dan kebebasan beragama. Isu ini mencapai kemuncaknya dalam laporan Semakan Berkala Sejahtera (UPR) oleh Majlis Hak Asasi Manusia PBB pada tahun 2013. Kajian oleh Earnie Elmi Hilmi et al. (2018) dari UKM turut menelusuri perkembangan awal pluralisme agama di Malaysia dan kaitannya dengan liberalisme dari Indonesia, manakala Haslina Ibrahim dari UIAM membincangkan sejarah dan keperihalan semasa pluralisme agama dalam konteks kepelbagaian masyarakat Malaysia.

Pluralisme agama merupakan satu fahaman yang menganggap semua agama adalah sama dari segi kebenaran dan nilai, dan ia telah menjadi antara cabaran pemikiran utama dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Pada peringkat awal, fahaman ini mula berkembang di alam Melayu melalui pengaruh gerakan liberalisme agama di Indonesia, khususnya melalui tokoh-tokoh seperti Jaringan Islam Liberal (JIL) yang aktif memperjuangkan pluralisme agama sejak akhir 1990-an (Earnie Helmi, 2018). Di Malaysia, pengaruh pluralisme agama masih terhad sebelum tahun 2000. Ketika itu, isu ini kurang dibincangkan secara terbuka kerana belum wujud polemik yang ketara. Namun, sekitar awal tahun 2000, polemik mula tercetus apabila beberapa individu dan gerakan dikatakan membawa fahaman pluralisme agama yang mencabar kedudukan Islam sebagai agama yang benar dan eksklusif (Haslina Ibrahim, 2011). Polemik ini menjadi perhatian masyarakat apabila ia melibatkan tokoh-tokoh berpengaruh termasuk ahli politik dan intelektual.

Dalam kerangka Malaysia Madani, toleransi agama tidak semestinya bermaksud menerima semua agama sebagai

benar secara mutlak, tetapi lebih kepada pengiktirafan terhadap hak setiap individu untuk menganut dan mengamalkan kepercayaan mereka, selagi tidak mencabar kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan. Pendekatan ini selari dengan prinsip ihsan dan hormat yang menjadi teras Malaysia Madani, serta prinsip “*tiada paksaan dalam agama*” yang digariskan dalam al-Quran (Surah al-Baqarah: 256).

Oleh itu, perbincangan tentang pluralisme agama dalam konteks Malaysia perlu mengambil kira sensitiviti akidah umat Islam, kedudukan Islam dalam Perlembagaan, dan keperluan untuk membina masyarakat yang saling menghormati tanpa mengorbankan prinsip kepercayaan masing-masing. Malaysia Madani menawarkan pendekatan yang lebih seimbang dan kontekstual dalam menangani isu ini, dengan menekankan dialog, pendidikan nilai, dan penglibatan masyarakat sivil sebagai jalan ke arah keharmonian antara agama.

Analisis Perbandingan: Malaysia Madani dan Islam Hadhari dalam Konteks Toleransi Agama

Kedua-dua pendekatan Islam Hadhari dan Malaysia Madani merupakan dasar pentadbiran yang berasaskan nilai-nilai Islam dan kemanusiaan, namun pendekatan mereka terhadap toleransi agama memperlihatkan perbezaan dari segi konteks, penekanan, dan pelaksanaan. Islam Hadhari, yang diperkenalkan pada tahun 2004, menekankan prinsip keimanan dan ketakwaan sebagai asas pembangunan negara. Dalam konteks toleransi agama, pendekatan ini mengiktiraf kepelbagaian masyarakat Malaysia dan menyeru umat Islam untuk berinteraksi secara harmoni dengan masyarakat berbilang agama dan budaya (Abdullah, 2004). Prinsip “*tiada paksaan dalam agama*” dijadikan landasan untuk membina masyarakat yang saling menghormati kepercayaan masing-masing, selagi tidak mencabar kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara (Najib, 2006). Islam Hadhari juga menekankan pentingnya dialog antara agama dan kebebasan berfikir melalui ijtihad, sebagai mekanisme untuk menangani perbezaan dan membina persefahaman (JAKIM, 2005).

Sebaliknya, Malaysia Madani membawa pendekatan yang lebih inklusif dan kontemporari terhadap toleransi agama. Konsep ini menekankan nilai ihsan, hormat, dan kesejahteraan sebagai teras kepada pembentukan masyarakat yang saling menghargai kepelbagaian (Anwar, 2023). Malaysia Madani tidak hanya berasaskan prinsip Islam, tetapi juga menggabungkan nilai-nilai universal yang sesuai dengan masyarakat majmuk dan era pasca normal yang kompleks dan bercanggah (Osman Bakar, 1997; Faizal, 2023). Dalam kerangka ini, toleransi agama dilihat sebagai sebahagian daripada usaha membina *civil society* yang beretika dan berbudaya tinggi, di mana agama menjadi sumber nilai dan bukan alat pemisah.

Perbezaan utama antara kedua-dua pendekatan terletak pada kerangka nilai dan konteks zaman. Islam Hadhari lebih menekankan pembangunan umat Islam sebagai teras kepada kemajuan negara, manakala Malaysia Madani menekankan pembangunan masyarakat secara keseluruhan tanpa mengira latar agama, dengan pendekatan yang lebih terbuka dan responsif terhadap cabaran global. Malaysia Madani juga lebih menekankan pendekatan sintesis, iaitu menggabungkan amalan tradisional dengan kaedah baharu untuk menangani isu-isu kontemporari seperti ekstremisme agama, diskriminasi, dan polarisasi sosial (Anwar, 2023).

Dari sudut pelaksanaan, Islam Hadhari lebih bersifat *top-down*, dengan penekanan kepada prinsip-prinsip yang ditentukan oleh kerajaan dan institusi agama. Malaysia Madani pula lebih bersifat *bottom-up*, dengan penglibatan masyarakat sivil, NGO, dan institusi pendidikan dalam membentuk naratif toleransi agama yang lebih demokratik dan inklusif (Jaafar & Aziz, 2023). Secara keseluruhannya, kedua-dua pendekatan mempunyai kekuatan tersendiri dalam membina masyarakat yang bertoleransi. Namun, Malaysia Madani menawarkan pendekatan yang lebih sesuai dengan realiti semasa, khususnya dalam menghadapi cabaran era pasca normal yang menuntut kefleksibelan, keterbukaan, dan kesiediaan untuk berdialog secara berterusan.

Analisis Perkembangan Teori Pasca Normal dan Kaitannya dengan Malaysia Madani

Salah satu elemen penting dalam memahami kerangka Malaysia Madani ialah konsep pasca normal, yang sering disebut oleh Perdana Menteri Dato’ Seri Anwar Ibrahim dalam pelbagai ucapan dan wawancara. Walaupun istilah ini masih belum tersenarai dalam Kamus Dewan dan dianggap asing dalam wacana akademik tempatan, ia membawa makna yang signifikan dalam konteks perubahan sosial dan pentadbiran negara (Anwar, 2023).

Secara literal, pasca normal merujuk kepada keadaan selepas kebiasaan, iaitu suatu era yang dicirikan oleh ketidaktentuan, kerumitan, dan percanggahan. Dalam wawancara bersama CNN, Anwar Ibrahim menekankan bahawa dunia kini berhadapan dengan cabaran baharu seperti kemusnahan iklim, penghijrahan besar-besaran, perang saudara, dan defisit demokrasi, yang tidak wujud dalam era sebelumnya (Anwar, 2023). Beliau turut menyeru agar agensi kerajaan bersatu dalam membentuk Badan Pemikir Negara untuk menghadapi era pasca normal secara kolektif dan strategik.

Teori pasca normal mula diperkenalkan dalam bidang sains oleh Funtowicz dan Ravetz (1993), yang membincangkan tentang pengurusan ketidakpastian dan kerumitan dalam proses saintifik. Mereka menekankan bahawa dalam era pasca normal, penyelesaian masalah tidak boleh bergantung kepada pendekatan linear atau konvensional, sebaliknya memerlukan pengiktirafan terhadap nilai, etika, dan keterlibatan pelbagai pihak.

Dalam konteks sosial dan falsafah, teori ini telah dikembangkan secara lebih holistik oleh Ziauddin Sardar (2010, 2015). Beliau menyatakan bahawa era pasca normal dicirikan oleh empat elemen utama: *complexity* (kerumitan), *chaos* (huru-hara), *contradictions* (percanggahan), dan *uncertainty* (ketidakpastian). Untuk menghadapi era ini, Sardar mencadangkan agar masyarakat dan negara mengamalkan nilai seperti *progress* (kemajuan), *modernisation* (pemodenan), *efficiency* (kecekapan), *virtues* (kebajikan), dan *imagination* (imaginasi).

Dalam kerangka Malaysia Madani, konsep pasca normal ini diterjemahkan kepada keperluan untuk merangka dasar yang fleksibel, inklusif, dan responsif terhadap perubahan global. Anwar Ibrahim menekankan bahawa Malaysia tidak boleh lagi bergantung kepada pendekatan lama, sebaliknya perlu menggabungkan amalan tradisional dengan kaedah baharu yang direka untuk menangani isu-isu kontemporari (Anwar, 2023). Ini sejajar dengan pendekatan sintesis yang menjadi teras Malaysia Madani. Oleh itu, teori pasca normal bukan sahaja memberi latar falsafah kepada Malaysia Madani, tetapi juga menjadi asas kepada pendekatan pentadbiran yang lebih dinamik dan berdaya tahan. Ia menuntut kefahaman mendalam terhadap perubahan sosial, keterbukaan terhadap idea baharu, dan kesediaan untuk berinovasi dalam menghadapi cabaran yang tidak menentu.

Perbincangan: Cabaran Pasca Normal dan Strategi Malaysia Madani

Dalam menghadapi era pasca normal yang dicirikan oleh kerumitan, ketidaktentuan, dan percanggahan, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan konsep Malaysia Madani sebagai kerangka dasar yang responsif dan inklusif. Salah satu nilai teras dalam rukun Madani ialah hormat, yang menjadi fokus utama dalam menangani cabaran sosial dan politik semasa. Menurut Anwar Ibrahim (2023), percanggahan dalam aspek hormat telah meningkat secara ketara, melibatkan unsur politik luar, kepentingan peribadi, syarikat multinasional, fahaman mazhab, dan budaya, yang berpotensi menjejaskan dasar dan nilai hormat dalam masyarakat.

Antara cabaran utama yang dikenal pasti ialah penyalahgunaan media sosial, yang telah menjadi saluran utama penyebaran maklumat tidak tepat, ucapan kebencian, dan berita palsu. Anwar Ibrahim (2023) menegaskan bahawa usaha gigih diperlukan untuk mengesan isu-isu baharu dan menilai potensi kekacauan yang timbul daripada fenomena seperti budaya selebriti, realiti TV, kecerdasan buatan yang bersifat perkauman, dan pengaruh media sosial yang tidak terkawal. Strategi pengurangan kerumitan dan pemantauan berterusan terhadap kepelbagaian masyarakat adalah penting untuk membendung rasa tidak hormat dan ketegangan sosial.

Dalam konteks pasca normal, percanggahan pendapat merupakan satu cabaran yang signifikan. Walaupun perbezaan pendapat boleh menjadi rahmat dalam Islam, ia juga berpotensi mencetuskan konflik dan perpecahan jika tidak diurus dengan baik. Kajian ini mendapati bahawa perbezaan pendapat dalam kalangan masyarakat Melayu Islam, khususnya dalam isu-isu berkaitan agama dan identiti, boleh membawa kepada polemik yang merosakkan perpaduan (Mahmud et al., 2023). Sebagai respons kepada cabaran ini, kerajaan telah mengambil beberapa langkah strategik. Antaranya ialah pemansuhan struktur lama Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dan penggubalan semula peraturan pada tahun 2022 untuk menyelaraskan dan memperkukuh tadbir urus hal ehwal Islam. Penubuhan semula Jawatankuasa Muzakarah sebagai entiti yang lebih inklusif dan berfungsi turut mencerminkan usaha kerajaan untuk menangani perbezaan mazhab dan pandangan secara sistematik.

Selain itu, kerajaan telah mengusulkan Rang Undang-Undang Mufti Wilayah-Wilayah Persekutuan 2024, yang bertujuan memberi definisi dan takrifan yang jelas terhadap *Ahli Sunnah Wal Jamaah* dalam konteks Malaysia. Bacaan pertama telah dibentangkan di Parlimen, manakala bacaan kedua ditangguhkan untuk menerima pandangan pelbagai pihak, menunjukkan pendekatan dialog dan keterbukaan dalam menangani isu sensitif agama (Jabatan Penerangan Malaysia, 2023). Dalam menangani penyebaran maklumat tidak tepat, kerajaan turut memperkukuh kempen “Tak Pasti Jangsi” melalui portal sebenarnya.my, serta memperkenalkan segmen “Biar Betul” di RTM sebagai usaha mendidik masyarakat tentang kepentingan maklumat sahih. Langkah ini sejajar dengan pendekatan Malaysia Madani yang menekankan nilai ihsan, hormat, dan kecekapan dalam menangani cabaran era pasca normal.

Secara keseluruhannya, tindakan kerajaan menunjukkan kesedaran terhadap keperluan untuk menangani pelbagai isu secara serentak, satu ciri utama era pasca normal seperti yang diuraikan oleh Ziauddin Sardar (2010, 2015). Pendekatan Malaysia Madani bukan sahaja bersifat reaktif, tetapi juga proaktif dalam membina masyarakat yang berdaya tahan, beretika, dan bersatu dalam kepelbagaian.

Kesan Terhadap Autoriti dan Nilai Hormat dalam Kerangka Malaysia Madani

Salah satu kesan utama yang mungkin timbul sekiranya cabaran era pasca normal tidak ditangani dengan berkesan ialah penghakisan autoriti, khususnya terhadap institusi pemerintahan dan keagamaan. Dalam konteks budaya dan peradaban Melayu-Islam, autoriti kuasa secara tradisional terletak pada *ulil amri* seperti Sultan, Raja, dan pemerintah. Nilai hormat terhadap pemimpin dan institusi ini merupakan tunjang kepada kestabilan sosial dan politik negara (Anwar, 2023).

Namun, dalam era digital dan pasca normal, penyebaran maklumat tidak tepat dan berita palsu telah menyebabkan segelintir masyarakat lebih mempercayai sumber tidak sah berbanding maklumat rasmi. Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan kepercayaan terhadap pemerintah, tetapi juga menghakik nilai hormat yang menjadi identiti masyarakat Malaysia sejak sekian lama. Dalam konteks Islam, ketaatan kepada pemimpin adalah suatu kewajipan selagi mana mereka tidak menyuruh kepada kemaksiatan, seperti yang dinyatakan dalam al-Quran:

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.” (Surah al-Nisa’: 59)

Hadis Nabi SAW juga menegaskan prinsip ini:

“Wajib bagi setiap Muslim patuh dan taat (kepada pemimpin) pada apa yang dia suka dan dia benci, selagi mana dia tidak diperintah melakukan maksiat. Justeru apabila dia diperintah melakukan maksiat, maka tiada lagi kewajipan untuk patuh dan taat.” (Bukhari, 7144; Muslim, 1839)

Dalam kerangka Malaysia Madani, nilai hormat bukan sahaja merujuk kepada ketaatan kepada pemimpin, tetapi juga kepada penghormatan terhadap kepelbagaian pandangan, budaya, dan agama. Cabaran era pasca normal seperti percanggahan pendapat, polarisasi politik, dan penyalahgunaan media sosial telah menimbulkan ketegangan yang boleh menjejaskan perpaduan nasional. Oleh itu, kerajaan telah mengambil langkah proaktif untuk memperkukuh autoriti dan memulihkan nilai hormat dalam masyarakat.

Antara langkah tersebut termasuklah penambahbaikan struktur pentadbiran hal ehwal Islam melalui penggubalan semula peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (Mahmud et al., 2023), serta pengusulan Rang Undang-Undang Mufti Wilayah-Wilayah Persekutuan 2024 yang bertujuan memperjelas definisi *Ahli Sunnah Wal Jamaah* dalam konteks Malaysia. Langkah ini menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam menyelaraskan pandangan keagamaan dan mengelakkan perpecahan akibat perbezaan mazhab dan pemikiran.

Selain itu, kempen “Tak Pasti Jangan Kongsi” dan segmen “Biar Betul” di RTM merupakan usaha untuk mendidik masyarakat agar lebih berhati-hati dalam menerima dan menyebarkan maklumat. Usaha ini penting untuk memulihkan kepercayaan terhadap autoriti dan memastikan maklumat yang diterima adalah sahih dan beretika (Jabatan Penerangan Malaysia, 2023).

Secara keseluruhannya, nilai hormat dalam Malaysia Madani bukan sekadar ketaatan kepada pemimpin, tetapi juga penghormatan terhadap sistem sosial, budaya, dan keagamaan yang menjadi asas kepada keharmonian masyarakat. Dalam era pasca normal yang penuh dengan ketidakpastian, pemulihan nilai ini adalah kunci kepada kestabilan dan kejayaan Malaysia Madani.

Toleransi Agama dalam Era Pasca Normal: Peranan Malaysia Madani

Dalam menghadapi cabaran era pasca normal, nilai hormat yang menjadi teras Malaysia Madani bukan sahaja penting dalam konteks autoriti dan kepimpinan, tetapi juga merupakan asas kepada toleransi agama dalam masyarakat majmuk Malaysia. Hormat terhadap kepercayaan dan amalan agama lain adalah prasyarat kepada kehidupan bersama yang aman dan saling menghargai.

Malaysia Madani memperluas konsep hormat ini kepada pengiktirafan terhadap kepelbagaian agama, budaya, dan pandangan hidup. Dalam konteks ini, toleransi agama bukan sekadar membenarkan kewujudan agama lain, tetapi melibatkan usaha aktif untuk memahami, berdialog, dan bekerjasama merentas sempadan kepercayaan. Ini sejajar dengan prinsip inklusiviti dan ihsan yang menjadi sebahagian daripada nilai teras Malaysia Madani (Anwar, 2023).

Cabaran era pasca normal seperti penyebaran berita palsu, polarisasi sosial, dan perbezaan mazhab bukan sahaja menjejaskan autoriti, tetapi juga berpotensi mencetuskan ketegangan antara agama. Oleh itu, pendekatan Malaysia Madani yang menekankan pendidikan nilai, komunikasi beretika, dan penglibatan masyarakat sivil adalah penting untuk memperkukuh toleransi agama. Program seperti Dialog Antara Agama, Majlis Perundingan Antara Agama, dan kempen perpaduan nasional merupakan contoh usaha kerajaan dalam menginstitusikan toleransi sebagai dasar negara.

Tambahan pula, dalam masyarakat Melayu Islam sendiri, perbezaan pandangan dalam isu-isu keagamaan perlu diurus dengan bijaksana agar tidak menjejaskan hubungan antara agama. Malaysia Madani menggalakkan pendekatan dialog dan muzakarah sebagai mekanisme untuk menyelesaikan perbezaan secara harmoni, selaras dengan semangat ijtihad dan keterbukaan intelektual yang pernah digariskan dalam Islam Hadhari (Najib, 2006). Oleh itu, dalam usaha membina masyarakat Madani yang berdaya tahan dan bersatu, toleransi agama bukan sahaja menjadi keperluan sosial, tetapi juga strategi nasional untuk menjamin keharmonian dan kestabilan negara. Malaysia Madani menawarkan kerangka yang lebih holistik dan kontemporari untuk memperkukuh nilai ini, dengan mengambil kira cabaran era pasca normal yang kompleks dan sentiasa berubah.

Kajian Kes dan Tindakan Kerajaan

Dalam usaha mengaplikasikan prinsip Malaysia Madani dalam menangani cabaran era pasca normal, kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah konkrit yang menunjukkan kesungguhan dalam memperkukuh toleransi agama dan perpaduan masyarakat.

Antara tindakan utama ialah penambahbaikan struktur pentadbiran hal ehwal Islam melalui pemansuhan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang ditubuhkan pada tahun 1968, dan penggubalan semula peraturan pada tahun 2022. Penubuhan semula Jawatankuasa Muzakarah sebagai entiti yang lebih inklusif dan berfungsi mencerminkan usaha kerajaan untuk menyelaraskan pandangan keagamaan dan mengelakkan perpecahan akibat perbezaan mazhab dan pemikiran (Mahmud et al., 2023).

Selain itu, kerajaan telah mengusulkan Rang Undang-Undang Mufti Wilayah-Wilayah Persekutuan 2024, yang bertujuan memperjelas definisi dan takrifan *Ahli Sunnah Wal Jamaah* dalam konteks Malaysia. Bacaan pertama telah dibentangkan di Parlimen, manakala bacaan kedua ditangguhkan untuk menerima pandangan pelbagai pihak, menunjukkan pendekatan dialog dan keterbukaan dalam menangani isu sensitif agama.

Dalam menangani penyebaran maklumat tidak tepat dan berita palsu yang boleh menjejaskan keharmonian antara agama, kerajaan telah memperkukuh kempen “Tak Pasti Jangan Kongsi” melalui portal sebenarnya.my, serta memperkenalkan segmen “Biar Betul” di RTM sebagai usaha mendidik masyarakat tentang kepentingan maklumat sahih (Jabatan Penerangan Malaysia, 2023). Langkah-langkah ini menunjukkan bahawa kerajaan bukan sahaja menyedari cabaran era pasca normal, tetapi juga bertindak secara serentak dan strategik untuk mengelakkan kekacauan sosial dan memperkukuh perpaduan nasional.

Implikasi Terhadap Toleransi Agama

Tindakan kerajaan dalam kerangka Malaysia Madani mempunyai implikasi yang besar terhadap toleransi agama di Malaysia. Dengan menekankan nilai hormat, ihsan, dan kecekapan, Malaysia Madani menyediakan asas yang kukuh untuk membina masyarakat yang saling menghormati kepercayaan masing-masing. Pemerkasaan institusi agama dan pengurusan maklumat yang lebih telus membantu mengurangkan ketegangan antara agama dan mengelakkan salah faham yang boleh mencetuskan konflik.

Pendekatan dialog dan keterbukaan dalam penggubalan undang-undang agama menunjukkan komitmen kerajaan terhadap prinsip inklusiviti dan keadilan. Peranan masyarakat juga penting dalam menyokong dasar Madani. Pendidikan sivik, penglibatan NGO, dan media yang bertanggungjawab boleh menjadi pemangkin kepada pembentukan masyarakat yang lebih toleran dan bersatu. Secara keseluruhannya, Malaysia Madani bukan sahaja memperkukuh dasar toleransi

agama, tetapi juga memperluasnya kepada dimensi sosial, politik, dan budaya yang lebih menyeluruh.

Cadangan

Bagi memperkukuh lagi toleransi agama dalam kerangka Malaysia Madani, kajian ini mencadangkan beberapa langkah strategik yang boleh dilaksanakan secara bersepadu oleh pelbagai pihak. Pertama, pendidikan nilai Madani perlu diperluas di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Ini termasuk pengenalan modul khas yang menekankan aspek toleransi agama dan dialog antara budaya, agar generasi muda dapat memahami kepelbagaian agama secara lebih mendalam dan menghargai perbezaan sebagai kekuatan sosial. Kedua, dialog antara agama wajar diperkasa di peringkat akar umbi melalui pelaksanaan program komuniti yang melibatkan institusi seperti masjid, gereja, kuil, serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Pendekatan ini dapat membina jambatan persefahaman antara komuniti berlainan agama dan mengurangkan prasangka yang sering timbul akibat kurangnya interaksi langsung. Ketiga, komunikasi kerajaan perlu diselaraskan dengan pendekatan yang lebih inklusif dan beretika, khususnya dalam menangani isu-isu sensitif berkaitan agama. Penggunaan bahasa yang menghormati kepelbagaian serta penekanan terhadap nilai kesederhanaan dan hormat dalam kenyataan rasmi boleh membantu mengelakkan ketegangan antara agama. Akhir sekali, undang-undang berkaitan penyebaran maklumat palsu perlu ditambah baik, termasuk memperketatkan penguatkuasaan terhadap penyebaran fitnah yang berpotensi menjejaskan keharmonian antara agama. Langkah ini penting bagi memastikan ruang digital tidak menjadi medan konflik yang boleh menggugat kestabilan sosial dan perpaduan nasional.

Kesimpulan

Malaysia Madani merupakan kesinambungan dan pembaharuan kepada pendekatan Islam Hadhari, dengan penekanan yang lebih holistik terhadap nilai kemanusiaan, keadilan sosial, dan keharmonian antara agama. Dalam era pasca normal yang penuh dengan ketidaktentuan dan percanggahan, toleransi agama menjadi tonggak utama kepada perpaduan nasional dan kestabilan sosial. Melalui pendekatan yang inklusif, responsif, dan berasaskan nilai, Malaysia Madani menawarkan kerangka yang sesuai untuk membina masyarakat yang saling menghormati, berdaya tahan, dan bersatu dalam kepelbagaian. Kajian ini menegaskan bahawa toleransi agama bukan sahaja keperluan sosial, tetapi juga strategi nasional yang perlu diperkukuh secara berterusan.

Penghargaan

Penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia, Geran Penyelidikan Jangka Pendek dengan No. Projek:R501-LR-RND002-0000001708-0000 geran bertajuk “Falsafah Pascamodenisme Dalam Mempengaruhi Cara Fikir Masyarakat di Malaysia.”

Rujukan

- Abdullah Ahmad Badawi. (2004). *Ucapan perasmian pengurusan negara Islam*. Shah Alam.
- Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Quran* (Cet. ke-7). Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Anwar Ibrahim. (2023). *Membangun Malaysia Madani*. Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Earnie Elmi Helmi, Kamarudin Salleh, & Nur Farhana. (2018). Perkembangan awal pluralisme agama di Malaysia. *3rd International Seminar on Islamic Thought*, Bangi, 18–19 September.
- El Muhammady, M. U. (2005). *Pluralisme agama dan ancaman terhadap akidah Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Faizal Musa. (2023). *Malaysia Madani: Naratif baharu era pasca normal*. Universiti Malaya Press.
- Funtowicz, S. O., & Ravetz, J. R. (1993). Science for the post-normal age. *Futures*, 25(7), 739–755. [https://doi.org/10.1016/0016-3287\(93\)90022-L](https://doi.org/10.1016/0016-3287(93)90022-L)
- Hamim. (2000). *Masyarakat madani dalam wacana politik Islam kontemporari*. Jakarta: Festival Istiqlal.
- Haslina Ibrahim. (2011). Dari kepelbagaian agama kepada pluralisme agama: Sejarah perkembangan. In *Seminar Al-Qur'an dan Cabaran Pluralisme Agama: Pengajaran Masa Lalu, Keperihalan Semasa dan Hala Tuju Masa Depan* (19–20 Julai 2011). IKIM, Kuala Lumpur.

- Hick, J. (1989). *An interpretation of religion: Human responses to the transcendent*. Yale University Press.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2005). *Islam Hadhari: Prinsip dan pelaksanaan*. Putrajaya.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2023). *Kempen Tak Pasti Jangan Kongsi dan Segmen Biar Betul RTM*. Putrajaya.
- Jaafar, M. S., & Aziz, M. A. (2023). *Malaysia Madani: Kerangka pentadbiran baharu*. Universiti Malaya Press.
- Mahmud, M., et al. (2023). *Peraturan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia 2022*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Majlis Agama Islam Selangor. (2015). *Pasca modenisme dan kelangsungan Islam*. Shah Alam: MAIS.
- Najib Razak. (2006). *Ucapan Konvensyen Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan*. Kuala Lumpur.
- Osman Bakar. (1997). *Masyarakat madani: Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Sardar, Z. (2010). Welcome to postnormal times. *Futures*, 42(5), 435–444. <https://doi.org/10.1016/j.futures.2009.11.028>
- Sardar, Z. (2015). Postnormal times revisited. *Futures*, 67, 26–39. <https://doi.org/10.1016/j.futures.2015.02.003>
- Tawfiq Yusef. (2017). Postmodernism and the crisis of meaning. *Journal of Islamic Thought*, 12(2), 45–60.
- UiTM. (2023). *Malaysia Madani dalam konteks pendidikan dan Islamophobia*. UiTM Institutional Repository.
- UTHM. (2023). *Malaysia Madani dan peranan penjawat awam*. Berita UTHM.
- Zakaria Stapa. (2014). Pemikiran pascamodenisme dan implikasinya terhadap akidah Islam. *Jurnal Usuluddin*, 40, 89–110.